

**TUN SALLEH ABAS
KETUA HAKIM NEGARA DAN
SUMBANGAN PEMIKIRAN BELIAU DARI
ASPEK PERUNDANGAN DI MALAYSIA**

oleh:

Nur Sarah Tajul Urus

Pensyarah Kulliyyah Syariah dan Undang-undang,
Kolej Universiti Insaniah (KUIN).

Abstrak

Artikel ini memfokuskan mengenai seorang tokoh yang disegani dalam arena undang-undang di Malaysia. Tumpuan penulisan berkait rapat dengan latar belakang dan sejarah hidup Tun Mohamed Salleh Bin Abas. Kronologi ketokohan beliau digarap menerusi kepintaran beliau dalam seni berhujah dan kemahiran pendakwaan yang dimiliki sehinggalah kepada perlantikan sebagai Ketua Hakim Negara yang berakhir dengan pemecatan berikutan krisis kehakiman pada tahun 1988 selepas empat tahun perlantikan beliau. Turut dimasukkan dalam artikel ini ialah pemikiran beliau yang dituntaskan secara pena menerusi beberapa hasil karya dalam ruang lingkup bicara undang-undang. Selain itu, turut dimuatkan juga sumbangan penghakiman perundangan Tun Mohamed Salleh Bin Abas dalam mengadili kes-kes yang berprestij dan berprofil tinggi. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan secara khusus tentang kredibiliti Tun Mohamed Salleh Bin Abas terhadap institusi perundangan menurut perspektif peradaban dan pemikiran Islam mengikut konteks masyarakat di Malaysia dengan memberi penekanan kepada Siyasa Syari'yyah. Adalah diharapkan melalui artikel ini, masyarakat umum akan mengenali dan memahami dengan lebih dekat lagi jasa dan sumbangan Tun Mohamed Salleh Bin Abas dalam memartabatkan keadilan dalam sistem kehakiman negara.

PENDAHULUAN:

Tun Salleh Abas merupakan seorang ahli undang-undang yang berkhidmat ketika pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Mahathir Mohamad. Beliau terkenal sebagai Ketua Hakim Negara yang telah dipecat semasa krisis perlembagaan pada tahun 1988, sekali gus mengakibatkan beliau kehilangan pencennya. Kejadian ini dianggap secara meluas sebagai peristiwa yang mencetuskan pengurangan ketara terhadap kebebasan badan kehakiman Malaysia serta melahirkan sindiran terhadap apa yang dikatakan pengamalan pengasingan kuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Malaysia.

LATAR BELAKANG DIRI:

Tidak ada maklumat yang banyak tentang latar belakang beliau semasa kecil, perwatakan dan kehidupan beliau belajar sewaktu kecil atau siapakah guru-guru yang mengajar beliau. Beliau dilahirkan pada 25 Ogos 1929 di sebuah Kampung Kecil Raja di Besut, Terengganu (M. Hanafiah A. Samad, 1989). Nama penuh beliau ialah Mohamad Salleh Bin Abas. Beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga yang miskin. Bapanya, Abas adalah seorang pengembara yang berasal dari Bangkok. Beliau mengembara hingga ke Senggora, Patani, Kelantan dan akhirnya menetap di Terengganu. Abas bekerja sebagai petani dan disebabkan

kemiskinannya, beliau melakukan apa jua kerja yang halal bagi menyara kehidupan keluarganya (Tun Salleh Abas, 1989).

PENDIDIKAN AWAL:

Tun Mohamed Salleh bin Abas, mula mendapat pendidikan awal disekolah Melayu Kampung Raja Besut dan Sekolah Arab. Beliau sempat belajar dalam Special Malay Class di Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu, selama dua tahun. Ketika berada dalam darjah lima, beliau berusia 12 tahun, Perang Dunia Kedua meletus. Persekolahan Inggerisnya tergendala buat beberapa tahun semasa pemerintahan Jepun. Di waktu itu beliau menghabiskan masanya dengan belajar dan tinggal di sekolah pondok Pasir Putih, Kelantan, dan kemudiannya belajar di Sekolah Arab yang terletak berhampiran dengan rumahnya. Walaupun pada waktu itu beliau tidak berfikir untuk menjadi seorang hakim, tetapi dalam satu pementasan yang diadakan sempena menyambut hari Ibu Bapa Sekolah Arab Al Maarif, Kampong Raja, Besut, Tun Mohamed Salleh telah diberi peranan sebagai hakim dalam pembicaraan kes kahwin paksa yang melibatkan seorang wali Mujbir. Peranannya sebagai hakim itu betul-betul dapat dihidupkan sehingga menampakkan pementasan tersebut seolah-olah sebagai satu pembicaraan kes yang benar-benar berlaku.

Tun Salleh Abas merupakan seorang anak lelaki yang rajin berusaha, serta ringan tulang. Perwatakan baik beliau ini dapat dilihat ketika mana beliau masih kecil lagi. Pada masa pendudukan Jepun, beliau terpaksa meninggalkan pengajiannya ketika berada di Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu. Beliau menggunakan masa yang terluang itu dengan memasuki Sekolah Arab yang terletak berhampiran dengan rumahnya dan Sekolah Pondok Pasir Putih, Kelantan, untuk mempelajari agama dan bahasa Arab. Di samping itulah, beliau rajin membantu bapa saudaranya menanam padi dan ayahnya berdagang hasil-hasil hutan dan ikan kering di Besut. Ketika inilah minat beliau amat mendalam terhadap agama dan bahasa Arab (M.Hanafiah A. Samad, 1989). Selepas berakhirnya pendudukan Jepun Tun Mohamed Salleh meneruskan semula pengajiannya di Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman Kuala Terengganu (Tun Salleh Abas. 1989).Namun keadaan ketika itu cukup daif, terutama di luar bandar seperti Besut atau bandar kecil seperti Kuala Terengganu. Keadaan ekonomi dan sosial begitu lemah. Sekolah ada, guru ada, murid ada tetapi kemudahan lain tidak ada. Inilah yang dialami oleh Tun Mohamed Salleh. Beliau terpaksa meminjam buku-buku teks kawan-kawannya yang berada (M.Hanafiah A. Samad, 1989).

Walaupun begitu, Kebolehan dan kepintaran Tun Mohamed Salleh dalam pelajaran sungguh menonjol, bukan sahaja setakat beliau ditempatkan dalam kelas yang lebih tinggi berbanding dengan umurnya tetapi juga sering menjadi

tutor kepada rakan sekelasnya; malahan terbukti bahawa beliau telah muncul sebagai satu-satunya anak melayu yang mula-mula menduduki peperiksaan ‘Senior Cambridge’ yang pertama kali diadakan di negeri Terengganu dan berjaya pula mendapat pangkat pertama (first grade).

Suatu sifat murni tokoh kita ini ialah bahawa beliau sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan. Ini terbukti bahawa selepas berkhidmat sebagai kerani am, kemudiannya sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah Kuala Terengganu, Tun Salleh Abas telah berlepas ke England pada akhir tahun 1950 untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Pemergian beliau itu di atas biasiswa Sultan Ismail Nasharuddin Shah untuk mengikuti jurusan pentadbiran awam atau perakaunan. Walaupun beliau mempunyai cita-cita untuk menjadi ahli perniagaan, tetapi atas nasihat rakan kenalan dan tentunya juga atas ketetapan azali membuatkan beliau mengambil jurusan Undang-undang di University of Wales, United Kingdom. Oleh kerana tahap kecemerlangan persekolahannya begitu menyerlah, beliau terpilih mendapat biasiswa kerajaan negeri Terengganu untuk melanjutkan pelajaran di Britain dan lulus dengan ijazah Bachelor of Law (L.L.B. kepujian kelas dua atas) pada tahun 1954 dari University College of Wales, United Kingdom. Kemudian mengambil kursus di Kolej University London dalam bidang *Internasional and Constitutional Law* di London di peringkat Sarjana (LLM) pada 1959-1961. Selanjutnya, beliau menduduki English Bar Middle Temple pada 8 Februari 1955 serta Malayan Bar, pada 28 Jun 1974. Namun demikian minatnya terhadap bidang perniagaan tetap membara. Sekembalinya dari England beliau mengambil kesempatan menjual buku-buku kepada rakan yang rapat dengannya semata-mata untuk melepaskan perasaan dan minatnya dalam bidang perniagaan (Tun Salleh Abas, 1989).

Justeru, ketika kecil Tun Salleh Abas bercita-cita menjadi seorang ulamak, tetapi berakhir dengan menjadi Ketua Hakim Negara. Tetapi, jika diperluaskan konsep dan istilah ulamak itu, nyatalah Tun Salleh Abas memang seorang yang ulamak kerana menjadi seorang yang berilmu, beriman dan bertaqwa. Beliau sukar digugat pengetahuan agamanya meskipun keseluruhan pendidikannya adalah sekular dan Barat (M.Hanafiah A. Samad, 1989).

Namun, setelah mana beliau berada di dalam bidang perundangan ini, beliau telah mencurahkan seluruh jiwanya sehingga separuh abad usianya dalam menjalankan tugasnya dengan penuh minat dan bercita-cita untuk berkhidmat sehingga umur 50 tahun serta mendapat sedikit pencen terus keluar berkhidmat sebagai peguam (M.Hanafiah A. Samad, 1989).

Beliau mempunyai prinsip hidup seperti mana kebanyakan orang lain. Sewaktu di bangku sekolah, beliau mempunyai seorang guru bernama Mr Machado dan guru inilah yang banyak meninggalkan kesan mendalam dalam dirinya. Guru ini sering menanamkan prinsip Dickens dalam buku David Coperfie yang

mengatakan: “Untuk mencari kebahagiaan hidup, seseorang itu mesti berani menegakkan *conviction*nya,” Prinsip inilah yang dipegang oleh Tun Salleh Abas (Tun Salleh Abas, 1989).

PERLANTIKAN SEBAGAI KETUA HAKIM NEGARA:

Tun Mohamed Salleh Abas bukanlah seorang yang terlalu memilih dalam soal kerjayanya. Terbukti apabila beliau boleh menyesuaikan diri menceburi dalam apa-apa bidang kerjaya yang memerlukan khidmatnya dan sesuai baginya. Selepas lulus School Certificate dengan Gred 1, beliau bekerja sebagai Pegawai Kerani dalam Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu (1949) buat sementara. Selepas itu menjadi Pegawai Kadet di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kadet Pejabat Daerah (Penolong Pegawai Daerah) Kuala Terengganu (1949-1950), Seterusnya Pegawai Perkhidmatan Awam Terengganu kelas tiga dan Jabatan Undang-undang (1955).

Antara lainnya, beliau turut diterima menjadi peguam di England pada Februari 1955. Sekembali beliau dari menuntut di luar negeri, beliau ditawarkan bertugas di Universiti Singapura, tetapi menolaknya. Sejak itu bermulalah kerjayanya di bidang perundangan mulai tahun 1955. Di antara jawatan yang disandangnya ialah Pegawai Tadbir Jabatan Kehakiman, Timbalan Pendakwa Raya Negeri Terengganu, majistret, Presiden Mahkamah Session di Kota Bahru, Kelantan, Peguam Persekutuan, di Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, pada tahun 1957.

Di samping menjalankan tugas sebagai peguam dan pendakwaraya beliau juga bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan. Pada akhir tahun 1959, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ketika itu bercadang untuk menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri. Untuk tujuan ini seorang yang berpengetahuan dalam bidang undang-undang antarabangsa adalah diperlukan. Sebagai memenuhi keperluan ini Tun Mohamed Salleh telah dihantar ke England sekali lagi untuk mengikuti kursus Ijazah Lanjutan dalam bidang yang diperlukan itu. Selepas lulus L.L.M dalam bidang Undang-Undang Antarabangsa dan Perlembagaan pada tahun 1961, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri bagi Negeri Sembilan dan Melaka selama setahun setengah.

Pada awal tahun 1963, beliau telah ditukarkan ke Kuala Lumpur untuk memegang jawatan Peguam Kanan Persekutuan. Sesuai dengan kepakarannya dalam bidang undang-undang Perlembagaan beliau telah dilantik sebagai penggubal undang-undang Parlimen dua tahun kemudiannya. Jawatan yang paling lama di peganginya ialah Peguamcara Negara (1966-1979).

Dalam masa 13 tahun ini ramai rakan dan sahabat beliau yang dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi. Tetapi, berbeza dengan Tun Mohamed Salleh. Oleh kerana Peguam Negara adalah suatu jawatan politik, maka jawatan yang paling tinggi sekali dalam bidang perundangan ialah Peguamcara Negara yang kekal dipegangnya.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada waktu itu (M.Hanafiah A. Samad, 1989), Tun Mohamed Salleh (Tan Sri Ketika itu) adalah orang yang pertama di negara ini memecah tradisi apabila pada tahun 1979 beliau terus dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan daripada jawatan Peguamcara Negara, tanpa terlebih dahulu memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi. Belum pernah berlaku dalam sejarah seseorang dilantik terus menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Agung, kecuali beliau. Menurut kebiasaannya, Hakim Mahkamah Persekutuan adalah dilantik dari kalangan hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang ada.

Sebenarnya pada tahun 1979 ini, Tun Mohamed Salleh pernah bercadang untuk bersara tetapi beliau telah dipujuk oleh Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar Semenanjung. Pada tahun 1983 beliau dilantik sebagai Ketua Hakim Negara pada 3 Februari 1984. Suatu pencapaian yang luar biasa dan gemilang bagi seorang budak kampung. Tun Mohamed Salleh dilantik menjadi Ketua Hakim Negara kelima berkuatkuasa pada 3 Februari 1984 menggantikan Raja Tun Azlan Shah yang dimasyhurkan sebagai Sultan Perak. Tun Mohamed Salleh ketika itu berusia 54 tahun ialah Hakim Besar Malaya. Perlantikannya diputuskan oleh Persidangan Majlis Raja-raja ke 129 dan Yang di-Pertuan Agung menyampaikan watakah perlantikan pada Mac 1984.

Mengulas perlantikannya, Tun Mohamed Salleh berkata, hal tersebut adalah kebetulan dan segala-galanya yang berlaku di dunia ini mengikut takdir. Begitulah peribadi mulia yang ditunjukkan oleh beliau walaupun berada dikalangan orang besar (M.Hanafiah A. Samad, 1989).

KETOKOHAN:

Sebagai pengiktirafan terhadap jasa bakti beliau dan kecemerlangan perkhidmatannya yang begitu meluas Tun Mohamed Salleh telah diberi penghargaan atas setiap pencapaian yang telah dilaluinya. Antaranya, beliau pernah menghadiri kursus dan latihan seperti di The Hague Academy of International Law pada 1952, dikurniakan dengan hadiah fellow dari Universiti Harvard pada 1971. fellow dari East West Centre, Honolulu, Hawaii pada tahun 1979, dijadikan fellow University of Wales, dan menerima fellow dari Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Selain itu, beliau telah dianugerahkan beberapa pingat kebesaran oleh DYMM Sultan Terengganu seperti Sri Mahkota Terengganu (SMT), Darjah Datuk Paduka Mahkota Terengganu (DPMT), Seri Paduka Mahkota Terengganu (SPMT), Johan Mangku Negara (JMN), Panglima Setia Mahkota (PMT), Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Tan Sri Darjah Yang Mulia Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun dikurniakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan Jun tahun 1985 (), dan yang terbaru Panglima Gagah Perkasa (PGP) daripada Sultan Kelantan. Di samping itu Universiti Pertanian Malaysia menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan (1985) dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Malaya (1987). Pada 11 Januari 1986, Intan menganugerahkan beliau dengan gelaran Intan Fellow (M.Hanafiah A. Samad, 1989).

PENGLIBATAN DALAM PEMIKIRAN UNDANG-UNDANG:

Tun Salleh Abas telah memulakan penulisan karya buku undang-undang dan menjadi perintis penulis berbangsa Melayu yang memulakan penulisan buku undang-undang berbahasa Melayu pertama dalam usaha ini. Terdapat empat karya yang menjadi rujukan utama hingga sekarang iaitu buku-buku bertajuk Pilihanraya Malaysia, Undang-undang Darurat, Kewarganegaraan dan Hak Asasi serta Mengenal Undang-undang (*Knowing the Law*).

a) Pilihanraya Malaysia

Tun Salleh Abas (1987) menjelaskan dengan terperinci berkaitan dengan pilihanraya di Malaysia dengan menyatakan objektif dan matlamat diadakan pilihanraya, badan yang mentadbir dan mengurus pilihanraya, lokasi kawasan pilihanraya iaitu tempat diadakan pilihanraya, calon-calon yang layak bertanding dalam pilihanraya serta pendaftaran bagi pengundi-pengundi.

b) Undang-undang Darurat

Secara terperinci, beberapa topik yang beliau karangkan iaitu berkaitan konsep darurat, bagaimana tamatnya darurat itu, dan darurat dalam perlembagaan Malaysia. Darurat itu iaitu bilamana keadaan dalam sesebuah negeri terancam dan menjadi cemas dan kewujudan negeri itu sendiri terancam, Perlembagaan memberi kuasa kepada kerajaan atau pihak yang tertentu mengambil sebarang langkah yang patut untuk memelihara negeri dan perlembagaan walaupun langkah-langkah itu bertentangan dengan hak asasi.

Di setengah-setengah negeri, apabila negeri itu berada di dalam keadaan yang cemas, pemerintahan diletakkan di bawah undang-undang tentera (*martial law*), yang mana kuasa kerajaan untuk memerintah negeri diserahkan atau dibantu oleh pihak berkuasa tentera supaya memerintah negeri itu atas bicaranya sendiri.

Mengikut Perkara 150 Fasal (3) darurat tamat apabila perisytiharan darurat itu ditarik balik oleh Yang di-Pertuan Agong atau dibatalkan oleh Parlimen menerusi satu rumusan yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan parlimen iaitu Dewan rakyat dan Dewan Negara.

Menurut beliau, fikiran orang ramai yang berasingan mengenai darurat ini tidaklah dapat memberi penyelesaian yang muktamad membawa kepada keamanan negara. Dari itu Perlembagaan Malaysia memberi kuasa untuk menentukan sama ada wujud atau tidak wujud darurat itu kepada Yang di-Pertuan Agong. Bagindalah yang boleh menentukan sama ada wujud atau tidak wujud darurat walaupun pada hakikatnya baginda berbuat demikian atas nasihat Jemaah Menteri

c) Kewarganegaraan

Berdasarkan pengetahuan Tun Salleh Abas, Undang-undang Kewarganegaraan yang mula-mula sekali dibuat di Malaya ialah pada tahun 1948. Undang-undang ini terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun itu. Fasal 125 hingga Fasal 133 telah menetapkan iaitu siapa yang dikatakan warganegara Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan), Fasal-fasal ini juga telah menentukan jalan dan cara-cara untuk mendapatkan kewarganegaraan Persekutuan, iaitu dengan jalan pendaftaran dan naturalisasi.

Selain daripada itu, beliau juga membuat rujukan berkaitan dengan penulisannya. Dalam karya beliau berjudul Kewarganegaraan dan Hak Asasi ini antara perkara yang diketengahkan dalam isi utama karyanya iaitu apakah faktor dan cara-cara untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia. Beliau menjelaskan dalam Perlembagaan Malaysia, perhubungan yang sebenar antara seseorang dengan Malaysia membolehkan dia berhak menjadi warganegara Persekutuan. Perhubungan sebenar itu beralaskan faktor-faktor seperti *Jus Soli*, *Jus Sanguinis*, perkahwinan dan kemastautinan.

d) Hak Asasi

i- Hak Asasi dalam Perlembagaan Bertulis

Dalam Perlembagaan Malaysia, peruntukan-peruntukan hak asasi telah ditulis oleh sebab permintaan rakyat negeri ini yang berkehendakkan peruntukan-peruntukan itu.

ii- Hak Asasi dalam Perlembagaan Malaysia

Hak asasi telah ditulis dalam Perlembagaan Malaysia dengan menggunakan perkataan kebebasan asasi. Kebebasan atau hak asasi ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kebebasan beragama, kebebasan diri dan kebebasan ekonomi.

e) Mengenal Undang-Undang

Berdasarkan hasil karya Tun Salleh Abas mengenai Mengenal Undang-undang ini, maka seseorang individu yang berminat dan berkecimpung dalam bidang menghasilkan penulisan-penulisan yang berbentuk ilmiah atau umum, mereka dapat mengetahui tentang kebebasan seseorang pengarang itu menurut undang-undang.

Walaupun begitu menurut beliau seseorang pengarang yang benar-benar mahu melahirkan buah fikirannya, dia mestilah menghormati batasan yang diketengahkan dalam subtopik karya ini iaitu mengenai Undang-undang Ketenteraman Awam, Tertib Sopan Kemanusiaan Awam, Undang-undang Mencela, Undang-undang Hak Menyalin dan Undang-undang Mencela dan Menghina Mahkamah.

Pemikiran Beliau Dari Aspek Perundangan:

Tun Salleh Abas merupakan seorang yang luas pandangan. Beliau telah mengeluarkan banyak pandangan kepada masyarakat terutama bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang perundangan. Berikut merupakan cetusan fikiran beliau:

i) Bahasa Malaysia Dalam Pentadbiran Kehakiman Masih Rendah

Tun Salleh Abas merupakan pejuang kebangsaan dalam bidang perundangan. Beliau percaya sekiranya kita menerima prinsip keadilan bahawa seorang itu perlu tahu tuduhan dan hukuman yang dikenakan ke atasnya, maka mestilah ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk menggunakan suatu bahasa yang boleh difahami oleh rakyat negeri ini iaitu Bahasa Malaysia dalam sistem pentadbiran perundangan di negara ini. Dengan demikian sebagai langkah kearah melaksanakan penggunaan bahasa tersebut dalam bidang pentadbiran undang-undang, semasa Tun Salleh Abas bertugas sebagai Peguamcara Negara beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan Biro Terjemahan Undang-Undang yang khusus untuk menterjemahkan dokumen undang-undang serta menerbitkan karangan mengenai undang-undang dalam Bahasa Malaysia.

ii) Peguam Yang Mengelirukan Saksi

Beliau turut menyuarakan pandangannya bahawa terdapat peguam yang mengelirukan dan menyulitkan saksi-saksi yang jujur ketika menyoal mereka bagi mengkaburkan kebenaran dengan tujuan supaya pelanggan mereka dibebaskan. Beliau seorang yang tegas dalam menyatakan kebenaran, walaupun perkara yang perlu disampaikan itu susah untuk orang menerimanya.

iii) Peguam Dan Pelanggan

Tun Salleh Abas sangat mementingkan disiplin dan keadilan terutamanya dalam soal kerjayanya. Maka tidak hairanlah jika beliau tidak terlepas untuk menasihati para peguam supaya bertindak mengikut garis panduan sebagai seorang peguam. Beliau menyuarakan buah fikirannya bahawa peguam-peguam hendaklah bertanggungjawab dan bertindak mengikut kehendak pelanggan mereka.

iv) Tidak Terbabit Dalam Politik

Tun Salleh Abas mengeluarkan pandangan beliau mengenai kebebasan kehakiman hanya boleh terjamin sekiranya mahkamah tidak terbabit dalam gelanggang politik. Beliau menambah, tetapi kebebasan itu tidak terjamin sekiranya hakim sendiri tidak pandai menjaga diri dan tidak tahu menjaga maruah mereka.

v) Undang-Undang Perlu Ditafsirkan

Dalam sistem demokrasi tidak dapat dinafikan bahawa badan kehakiman berfungsi penting dan telah diterima sebagai pemeliharaan perlembagaan. Prinsip perlembagaan yang penting ini sudah termaktub dan tidak perlu dipersoalkan lagi kedudukan badan kehakiman di bawah perlembagaan. Mengekalkan sikap berkecuali dan kebebasan itu adalah satu tanggungjawab berat bagi mana-mana badan kehakiman di seluruh dunia, terutama di sebuah negara yang baru membangun.

Tidak ada contoh lebih baik mengenai pentafsiran daripada sistem perundangan Islam. Sistem ini mengandungi sebahagian besarnya al-Quran dan al-hadis. Pentafsiran daripada dua sumber perundangan ini dibuat mengikut kaedah yang sudah diterima. Dalam keadaan ini, badan perundangan bukan sahaja terikat kepada undang-undang Islam seperti dikemukakan oleh mufti, tetapi parlimen dan eksekutif juga terikat kepada keputusan ini. Pokoknya, keputusan ini adalah pentafsiran daripada al-Quran dan al-hadis.

vi) Doktrin Pengasingan Kuasa

Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas (1997) telah menyentuh berkenaan asal-usul penggunaan doktrin pengasingan kuasa di Malaysia dalam buku beliau yang bertajuk *Prinsip Perlembagaan dan pemerintahan di Malaysia*. Malaysia dikatakan tidak memakai doktrin pengasingan kuasa ini secara mutlak malah telah diubahsuai terlebih dahulu. Pandangan Montesquieu (1949:151-152) dalam '*Spirit of the laws*' mengenai doktrin pengasingan kuasa secara lebih terperinci telah disebutkan dalam Buku XI bahagian vi.

Tun Salleh Abas (1997, hlm. 8) telah merumuskan bahawa maksud doktrin pengasingan kuasa yang dikemukakan oleh Montesquieu itu adalah seperti berikut;

- a. Badan yang membuat undang-undang hanya dibenarkan membuat undang-undang ; ia tidak boleh menyerahkan kuasa ini kepada badan lain; begitu juga ia tidak boleh mempunyai kuasa-kuasa yang lain lagi .
- b. Badan yang memerintah hanya dibenarkan menjalankan pemerintahan negara sahaja; ia tidak boleh membuat undang-undang dan menjalankan kuasa kehakiman; dan
- c. Badan kehakiman hanya dibenarkan mengadili sesuatu pertikaian; ia tidak boleh membuat undang-undang dan menjalankan kuasa pemerintahan.

Dengan itu lahirlah doktrin pengasingan kuasa atau dalam bahasa Inggerisnya dipanggil '*separation of powers*' yang membahagikan kuasa-kuasa kepada '*legislative*', '*executive*' dan '*judiciary*' (Smith 1973:39).

vii) Hakim Tidak Mengatasi Undang-Undang

Ini antara cetusan pandangan beliau yang menjelaskan tentang tugas seseorang hakim itu. Beliau amat berpengalaman dalam bidang tersebut. Para Hakim tidak pernah menganggap diri mereka mengatasi undang-undang dan tidak tertakluk kepada sebarang tanggungjawab sosial.

f) Mengenal Undang-undang (Knowing the Law)

Tun Salleh Abas telah memberi dan mencurahkan buah fikirannya melalui hasil karya dan juga melalui penghakiman dalam kes-kes yang di bicarakannya itu. Selain daripada buku-buku tersebut, beliau juga menghasilkan beberapa artikel dalam *Malayan Law Journal*, Makalah dan lain-lain penerbitan undang-undang.

SUMBANGAN TUN SALLEH ABAS DALAM MENGADILI KES-KES

The Asian Wall Street Journal; J.P. Berthelsen lawan Ketua Pengarah Imegresen Malaysia [1987] 1 MLJ. Hlm : 134.

Pada 11 November 1986, Mahkamah Agong telah membuat satu keputusan yang mana dilaporkan sebagai kes yang julung-julung kalinya melibatkan kekalahan di pihak kerajaan semenjak mahkamah tersebut ditubuhkan. Dalam kes *The Asian Wall Street Journal* ini, Dr Mahathir sebagai Menteri Hal- Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah mengusir seorang wartawan asing kerana menulis beberapa rencana yang mempertikaikan urusan-urusan yang dilakukan oleh En. Daim Zainuddin, rakan kabinet dan juga kawan baik Dr Mahathir .

Lim Kit Siang lwn Kerajaan Malaysia [1988] 1 MLJ.

Dalam kes ini, di antara dasar kerajaan yang diheboh-hebohkan ialah dasar pengswastaan ekonomi negara. Projek pengswastaan ini pun telah sampai ke Mahkamah Agung; iaitu projek menswastakan lebuhraya Utara-Selatan yang menelan belanja ribuan juta. En. Lim Kit Siang telah mendakwa kerajaan di mahkamah supaya perjanjian kerajaan untuk menswastakan pembinaan lebuhraya itu dibatalkan atas sebab bahawa projek itu bukan sahaja tidak ekonomik tetapi juga mengandungi banyak tipuan dan jenayah rasuah.

In Re Susie Teoh; Teoh Eng Huat v. Kadhi Of Pasir Mas Kelantan & Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan 1990. JH [1410] . JLD VII BHG 1. Hlm : 19.

Dalam kes ini, pihak penuntut, plaintif, adalah penganut agama Buddha dan anaknya Susie Teoh Bee “budak” telah dilahirkan pada 5 April 1968 telah dilaporkan hilang pada 18 April 1985 yang mana ketika itu dia belum genap 18 tahun. Dia telah bekerja sebagai kerani di Merss Videi Ria, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu sehingga tarikh dia didapati hilang. Berita kehilangannya telah diketahui oleh teman lelakinya iaitu Tan Boon Hwee. Selepas usaha mencari di Kuala Terengganu, Kuala Lumpur, dan Pulau Pinang gagal, maka Chee Kie Chong menantu pihak menuntut telah membuat laporan polis pada Disember 1985. Selepas itu dia telah menalifon ke Pejabat Pihak kena tuntutan bagi memastikan sama ada anaknya sudah memeluk Islam, dan diberitahu bahawa anaknya telah memeluk Islam pada 22 Disember 1985. Oleh kerana anaknya telah memeluk Islam tanpa kebenarannya, pihak menuntut telah membuat tuntutan antara lain supaya dia berhak untuk menentukan agama anaknya.

Akan tetapi Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan oleh Hakim Abdul Malik iaitu anak perempuan dalam kes ini adalah berhak untuk memilih ugamanya, sekiranya pemilihannya itu dibuat atas dasar kehendaknya yang bebas berasaskan perkara 11 dan 12 Perlembagaan Persekutuan. Kemudian kes *Teoh Eng Huat lwn Kadi Pasir Mas & SL* [1990] 2 MLJ 301. ini telah dirayu ke Mahkamah Agung. Apabila rayuan dibuat oleh bapa itu ke Mahkamah Agung, Abdul Hamid, Ketua Hakim Negara pada ketika itu telah merujuk kepada peruntukan Perkara 3 yang menyebut bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Tetapi untuk mentafsir perkara itu beliau tidak merujuk kepada pendapat Pesuruhjaya Reid dalam laporannya yang menyebut sebab-sebab Pesuruhjaya itu tidak memasukkan peruntukan itu ke dalam drafnya. Berikutan itu Yang Arif Hakim telah memutuskan bahawa undang-undang yang harus dikenakan kepada anak perempuan dalam kes itu yang berumur 17 tahun 8 bulan ialah undang-undang sivil dan oleh sebab itu dia tidak berupaya menukar agamanya kepada agama Islam tanpa persetujuan ibu bapanya. Beliau juga merujuk kepada Perkara 12(3) dan (4) Perlembagaan.

Maka dua tahun kemudian, selepas hari jadi Susie Teoh yang ke 18 tahun, Yang Arif Tun Salleh Abas ketika itu, membuka fail kes ini semula dan memberi peluang Susie Teoh mengisytiharkan agamanya sendiri. Sambil menangis, Susie Teoh membuat kenyataan dihadapan mahkamah bahawa “ Saya yang arif, kekal dalam agama saya, saya masih mahu nama Nur Aini.” Maka Tun Salleh Abas telah mengisytiharkan Islamnya sah dengan namanya Nur Aini.

Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya [(1988) 2 MLC55].

Dalam kes ini, telah diujahkan bahawa hukuman mati untuk kesalahan mengedar dadah dan kesalahan di bawah Akta Senjata Api adalah jelas bertentangan dengan agama Islam. Hal ini disebabkan kesalahan tersebut tidak termasuk dalam kategori hudud atau qisas, dan dengan itu juga ia bertentangan dengan undang-undang Islam serta menyalahi perlembagaan negara. Oleh itu, ia sepatutnya dengan sendiri terbatal.

Boto' bt Taha v Ja'afar bin Muhammad (1985) 2 MLJ 98.

Dalam kes ini, isteri membuat tuntutan harta sepencarian terhadap bahagian harta (alih dan tak alih) yang dibeli oleh suaminya semasa menjadi nelayan semasa mereka masih menjadi suami isteri. Dalam kes ini, apabila suami menceraikan isteri, Tun Salleh Abas C.J Malaya memutuskan harta alih (iaitu bot nelayan dalam kes ini) juga boleh diletakkan di bawah peruntukan harta sepencarian.

PEMECATAN SEBAGAI KETUA HAKIM NEGARA

Ketika mencapai usia 50 tahun, Salleh hendak bersara tetapi dipujuk oleh Tun Suffian Hashim, Ketua Hakim Negara, untuk meneruskan perkhidmatannya. Tun Mohamed Salleh dilantik sebagai hakim Mahkamah Persekutuan sebagai ganti. Ketika Tun Suffian bersara pada tahun 1982 dan digantikan oleh Raja Azlan Shah, Tun Mohamed Salleh menjadi ketua Hakim Tanah Melayu. Bagaimanapun, dalam tempoh dua tahun, iaitu pada tahun 1984, sultan perak mangkat dan Raja Azlan meletakkan jawatan untuk naik takhta. Oleh itu, Tun Mohamed Salleh menjadi Ketua Hakim Negara sebagai ganti.

Krisis Perlembagaan Malaysia 1988 merupakan satu siri peristiwa yang dicetuskan oleh pemilihan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1987 yang berakhir dengan penggantungan perkhidmatan dan kemudiannya penyingkiran Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Salleh Abas dari jawatannya yang dijamin tidak boleh dipecat oleh perlembagaan Malaysia. Pemecatannya oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir bin Mohamad telah diperlihatkan sebagai satu penyekatan terhadap kebebasan kehakiman yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia.

Pada tahun 1988, Tun Mohamed Salleh Abas dihadapkan ke timbang tara yang diadakan oleh Dr. Mahathir, Perdana Menteri ketika itu, atas tuduhan salah lakunya. Timbang tara itu dikerusikan oleh Tun Hamid Omar. Sebagai tindak balas terhadap timbang tara, Tun Mohamed Salleh mengambil tindakan guaman dalam Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur untuk mencabar keperlembagaan timbang tara itu. Ketika meneruskan tindakan guamannya, beliau membuat permohonan untuk penggantungan sementara terhadap timbang tara sehingga 4 Julai 1988. Permohonannya ditolak.

Bagaimanapun, lima orang hakim Mahkamah Agung kemudian bersidang dan memberikan Tun Mohamed Salleh perintah interlokutori terhadap timbang tara. Sebaik sahaja menerima perintah itu, peguam-peguam Tun Mohamed Salleh pergi ke Parlimen untuk mengemukakan perintah interlokutori itu kepada pengerusi timbang tara. Bagaimanapun, pintu besar yang menuju ke bangunan Parlimen telah dikunci dan wakil Tun Mohamed Salleh terpaksa memanggil polis untuk menjamin laluan masuk ke Parlimen. Akhirnya, perintah interlokutori itu dikemukakan kepada pengerusi timbang tara.

Tidak lama kemudian, kelima-lima hakim Mahkamah Agung itu digantung jawatan mereka. Daripada lima orang hakim itu, tiga orang hakim dipecat. Pemecatan-pemecatan ini menyebabkan Mahkamah Agung Malaysia digantung dan oleh itu, cabaran terhadap kesahan timbang tara tidak dapat dibicarakan. Timbang tara kemudian memecatkan Tun Mohamed Salleh daripada jawatannya.

Seiringan dengan iktisas undang-undang yang banyak melibatkan tugas dan penulisan maka ketokohan Tun Mohamed Salleh sebagai seorang yang pakar dalam bidang perundangan juga terlihat dari segi kebolehannya mengarang. Ketajaman penanya dalam membentangkan pandangan serta kebijaksanaannya dalam memberikan keputusan mahkamah dalam kes-kes yang dipegangnya amatlah mengkagumkan. Sebagai seorang ahli akademik dan juga pengarang dalam bidang undang-undang Tun Mohamed Salleh banyak menghadiri dan membentangkan kertas kerja dalam seminar-seminar kebangsaan dan antarabangsa di samping menyumbangkan tenaga dan fikirannya dalam mengarang dan menerbitkan karya-karya yang berkaitan dengan bidang kepakarannya. Di antara karyanya yang diterbitkan dalam bentuk buku seperti, Pilihanraya Malaysia, Pemerintahan Malaysia, Undang-Undang Darurat, Parlimen Malaysia, Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia, dan Constitution, Law and Juridary. Karya-karya beliau banyak membantu para penuntut dalam menceburi bidang perundangan ini.

Sejak beliau menjadi Ketua Hakim Negara pada 3 Februari 1984, Yang Arif Tun Mohamed Salleh Abas, telah mendapat kesempatan yang luas untuk

memberi pandangan, pendapat dan buah fikiran terhadap pelbagai hal, terutama di bidang perundangan. Daripada buah fikiran yang dilontarkan ternyata beliau adalah seorang yang mempunyai sikap yang tegas dan berprinsip meskipun apa yang diutarakannya menimbulkan kontroversi. Bagi beliau yang penting ialah pemikiran. Jika kita mengamati pemikiran yang telah ditaburkan oleh beliau itu dapat memupuk dan membuka minda masyarakat. Diantara buah fikirannya ialah kata-kata beliau “jangan pandang siapa yang berkata, tetapi lihatlah apa yang dikatakannya”.

Walaupun dalam keadaan sekarang, mungkin ada orang menganggap Tun Mohamed Salleh Abas tidak ada apa-apa lagi, dan beliau berada pada kedudukan yang sangat rendah pada sesetengah pihak, tetapi pendapat penulis, orang yang berilmu itu tetap berilmu dan dia perlu dihargai. Soal beliau sudah dipecat daripada kedudukan yang tertinggi dalam negara walau dengan apa sebab dan alasan sekalipun, kita tidak pula menafikan kenyataan dan kebenaran bahawa Tun Mohamed Salleh Abas adalah seorang tokoh perundangan negara yang besar jasanya kepada negara. Bagaimana beliau menerima perlantikan sebagai Ketua Hakim Negara beberapa tahun dahulu sebagai takdir, demikian pula apabila beliau menerima pemecatan jawatannya itu sebagai takdir Allah yang mempunyai hikmah tersendiri. Peribadi yang mulia inilah yang tercerna dalam banyak ucapan, pendapat dan buah fikirannya. Ucapannya penuh nasihat, pendapatnya penuh hikmat dan fikirannya penuh kebenaran.

KESIMPULAN:

Mengikut Ibn Taymiyyah (1955), konsep siasah adalah berasaskan kepada al-Quran yang menegaskan mengenai amanah. Dalam bukunya *Al-Siyasa Al-Shari'iyah*, ia telah menulis bahawa kerajaan merupakan amanah dalam Islam. Pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan mesti memiliki sifat amanah. Berdasarkan pemahaman amanah inilah, Tun Salleh Abas telah menjalankan tanggungjawabnya dalam bidang perundangan dengan penuh keadilan.

PENUTUP:

Demikianlah secara ringkas catatan kehidupan (*muzakkirat*) seorang ketua hakim yang berkhidmat kepada negara untuk membina satu peradaban dan pemikiran ilmu yang dikenang sehingga kini. Semoga jasa dan usaha beliau diberkati dalam memartabatkan sistem perundangan negara menurut keadilan undang-undang yang komprehensif berpaksikan harapan agar ianya selari dengan Piagam Madinah dalam konteks Siyasah Syari'yyah dengan mengambil kira Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara dan Perkara 3 iaitu Islam sebagai agama bagi Persekutuan diikuti dan dimanfaatkan

oleh generasi muda yang berwawasan bagi mewarnai sistem perundangan kita di masa akan datang.

RUJUKAN:

1. Boto' bt Taha v Ja'afar bin Muhammad (1985) 2 MLJ 98
2. Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya [(1988) 2 MLC55].
3. In Re Susie Teoh; Teoh Eng Huat v. Kadhi Of Pasir Mas Kelantan & Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan 1990. JH [1410] . JLD VII BHG 1. Hlm : 19.
4. Lim Kit Siang lwn Kerajaan Malaysia [1988] 1 MLJ.
5. Teoh Eng Huat lwn Kadi Pasir Mas & SL [1990] 2 MLJ 301.
6. The Asian Wall Street Journal; J.P. Berthelsen lawan Ketua Pengarah Imegresen Malaysia [1987] 1 MLJ. Hlm : 134.
7. Mr. Param Comaraswamy Advocate & Solicitor. 1988. Seminar On The Importance of an
8. Tun Dato' Haji Mohamed Salleh bin Abas. 1989. Kebebasan Kehakiman , singa di bawah takhta dijera . Cet 1. Penerbitan Pena Sdn. Bhd. Hlm : 22.
9. Mohd Salleh Abas. 1987. Pilihanraya Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia. Hlm : 3
10. Mohd. Salleh Abas . 1982 . Undang-Undang Darurat . Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm : 1 .
11. Mohd Salleh Abas. 1988. Kewarganegaraan dan Hak Asasi. Kuala Lumpur : Mazara Sdn. Bhd. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm : 13.
12. Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1962-No.14 t. 1952 .
13. Ibn Taymiyyah 1955. Al-Siyasah Al-Syari'yyah Fi Islah Al-Ra'I Wa Al-Raiyah, Dar Al-Kitab Al-Arabi, Mesir
14. Perlembagaan Persekutuan
15. M. Hanafiah A. Samad. 1989. Kontroversial Kes Tun Salleh. Cet. 1. Syarikat S. Abdul Majeed. Kuala Lumpur. Hlm: 28.
16. Tun Salleh Abas. 1989. The Role Of The Independent Judiciary. Cet.1. Promarketing Publications. Kuala Lumpur. Hlm : 112
17. Seminar on Independent Judiciary in a Democracy. 4-5 Nov. Equatorial Hotel, Kuala Lumpur. Hlm :1.